

## **BAB IX**

### **SRJK(C) DAN DEKLARASI PENDIDIKAN BAHASA IBUNDA**

#### **DONG JIAO ZONG 1999**

Sebagaimana yang telah dihuraikan di dalam bab-bab yang lalu, Akta Pendidikan 1996 telah memberi perakuan dan perlindungan undang-undang bagi mengekalkan status quo SRJK(C) dan SRJK(T) di negara ini. Peruntukan 21(2) Akta Pelajaran 1961 yang memberi kuasa kepada Menteri untuk menukar status SRJK kepada SK juga telah dimansuhkan. Malah menerusi Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996, Menteri Pendidikan telah diberikan kuasa untuk menubuhkan dan menyelenggarakan sekolah-sekolah berkenaan.

Justeru, kerisauan komuniti Cina tentang kedudukan dan status SRJK(C) di bawah Akta Pendidikan 1996 tidak sepatutnya berbangkit sama sekali. Namun demikian, ternyata perbahasan secara terbuka berhubung dengannya masih berterusan. Malah pelaksanaan dasar pendidikan Kementerian Pendidikan sentiasa diselubungi dengan curiga-mencurigai, kekecewaan dan rasa tidak puas hati di kalangan pemimpin Dong Jiao Zong dan Hua Tuan. Senario perkembangan SRJK(C) yang dikatakan penuh dengan pelbagai kekangan, kekurangan dan kesukaran telah mendesak Dong Jiao Zong melancarkan Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda pada tahun 1999.

## **Asal Usul Pelancaran Deklarasi**

Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong merupakan satu dokumen yang meliputi 6 Penyata dan 12 Tuntutan yang dikemukakan bersama oleh Dong Jiao Zong pada tahun 1999. Dokumen tersebut menganggap bahasa sebagai alat yang mempunyai pertalian rapat dengan kebudayaan dan keetnikan. Justeru, Deklarasi tersebut menuntut bahawa “bahasa ibunda adalah jiwa sesuatu kaum dan adalah cara bagi kaum itu untuk meneruskan warisan kebudayaan, dan berkait rapat dengan status, maruah dan identiti perkauman”.<sup>1</sup>

Dengan kefahaman sedemikian, Deklarasi telah mengetepikan kepentingan nasional dengan menolak konsep bahasa Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar tunggal dalam sistem pendidikan kebangsaan demi mempertahankan bahasa keetnikan masing-masing. Dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, tuntutan sedemikian telah dikatakan menghalang proses pemupukan semangat perpaduan dan integrasi penduduk yang terdiri daripada pelbagai keturunan melalui Bahasa Kebangsaan.

Persoalannya, apakah faktor yang menggerakkan pelancaran Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong 1999? Menurut Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM, senario perkembangan SRJK(C) yang penuh dengan pelbagai kekangan, kekurangan dan kesukaran pada dasarnya masih tidak

---

<sup>1</sup> Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong 1999, PPLPSCM, Kuala Lumpur, 1999, hlm.2-3.

memperlihatkan perubahan yang ketara semenjak pelaksanaan Akta Pendidikan 1996. Lebih-lebih lagi, katanya,

“Hasrat dan permintaan masyarakat Cina sentiasa tidak kesampaian kepada pemimpin tertinggi dalam kerajaan. Ini kerana MCA khasnya dan Gerakan amnya sering bertindak sebagai ‘alat pencegah bunyi’, ‘alat pencegah sejuk’ dan ‘gudang hawa sejuk’ sehingga hasrat masyarakat Cina sentiasa disekat, dihalang dan diputuskan. Oleh itu, memorandum-memorandum Hua Tuan yang dihantar kepada kerajaan sejak kemerdekaan diibaratkan batu tenggelam ke laut”.<sup>2</sup>

Dengan berlatarbelakangkan ini, Dong Jiao Zong telah mengorak langkah sendiri untuk menyelesaikan masalah SRJK(C) dan sekaligus menghadapi cabaran dalam alaf baru. Maka menjelang pilihan raya umum Malaysia ke-10, Dong Jiao Zong menyampaikan hasrat dan aspirasi umum masyarakat Cina menerusi Deklarasinya secara langsung kepada semua parti politik yang bakal bertanding.

Dong Jiao Zong khususnya sentiasa dalam keadaan berjaga-jaga terhadap implikasi pelaksanaan Akta Pendidikan 1996 ke atas SRJK(C). Kekhuatiran mereka bertambah kuat apabila kedengaran ucapan perasmian Menteri Pendidikan dalam “Seminar Pengajaran Bahasa Melayu di IPTS” pada 14 November 1996. Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak menegaskan bahawa “Kerajaan pasti tidak akan membenarkan kewujudan ‘double-standard’ dalam Sistem Pendidikan

---

<sup>2</sup> Temuramah dengan Loot Ting Yee, Naib Pengurus GPGSCM, di Pejabat GPGSCM Kuala Lumpur, pada 3 Disember 1999.

Kebangsaan, iaitu terdapat aliran yang berlainan dalam sistem pendidikan... Pelaksanaan Dasar Pendidikan Kebangsaan di negara kita tidak akan menyimpang daripada Laporan Razak 1956 dan Laporan Rahman Talib 1960".<sup>3</sup>

Kenyataan Menteri Pendidikan itu jelas menggambarkan keazaman kerajaan untuk merealisasikan matlamat Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berteraskan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di semua institusi pendidikan. Bagaimanapun, bagi Dong Jiao Zong, kenyataan itu membawa implikasi bahawa Akta Pendidikan 1996 tidak dapat menjamin kewujudan sekolah-sekolah rendah bukan beraliran Bahasa Kebangsaan. Dengan kata lain, kedudukan SRJK(C) dan SRJK(T) memang bersifat sementara sahaja dan akhirnya juga akan dihapuskan jika terlaksananya Dasar Pendidikan Kebangsaan. Maka tidak hairanlah Dong Jiao Zong sentiasa menyeru Kerajaan agar memberi jaminan bertulis dalam bentuk peruntukan perundangan tentang pengekalan status quo pendidikan pelbagai aliran bahasa pengantar terutamanya SRJK(C) dan SRJK(T) di negara ini.<sup>4</sup>

Semenjak pelaksanaan Akta Pendidikan 1996, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan terlibat dalam satu siri episod kontroversi mengenai status quo SRJK(C). Kontroversi pertama yang diakibatkan oleh peruntukan Akta Pendidikan 1996

---

<sup>3</sup> Buli Huajiao de '1996 Nian Jiaoyu Faling' zhubu bei zhixing, (Pelaksanaan Awal Akta Pendidikan 1996 Yang Mempunyai Implikasi Negatif Terhadap Pendidikan Cina), MICSS Working Committee, Kuala Lumpur, November 1996, hlm.10.

<sup>4</sup> Kenyataan Dong Jiao Zong Mengenai Ucapan Menteri Pendidikan pada 14 November 1996, 15 November 1996.

berhubung kedudukan Lembaga Pengelola tercetus pada 18 Julai 1996 apabila Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia mengeluarkan surat rasmi berhubung penangguhan semua permohonan mengenai cadangan untuk melantik wakil Menteri Pendidikan sebagai Ahli Lembaga Pengelola. Alasan yang diberikan ialah Kementerian Pendidikan sedang dalam “proses menguruskan hal-hal berkaitan perlaksanaan Akta Pendidikan 1996 yang terdapat pindaan peruntukan bagi Lembaga Pengelola dan Suratcara Pengelolaan Sekolah”.<sup>5</sup> Dong Jiao Zong merasa bimbang tindakan itu bermatlamat untuk merampas kuasa autonomi Lembaga Pengelola dengan mengurangkan bilangan ahli Lembaga Pengelola SRJK(C).

Dalam keadaan kedudukan Lembaga Pengelola yang tidak menentu ini, Kementerian Pendidikan mengeluarkan satu arahan lagi yang didakwa boleh menjelaskan kedudukan dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola SRJK(C). Arahān tersebut menetapkan bahawa hanya Guru Besar, GPK I, GPK II dan guru pentadbir sekolah sahaja berkuasa untuk menandatangani cek sekolah.<sup>6</sup> Ahli Parlimen DAP bagi kawasan Bagan, Lim Hock Seng menuduh arahan tersebut telah secara langsung menafikan hak dan kuasa ahli-ahli Lembaga Pengelola Sekolah.<sup>7</sup>

---

<sup>5</sup> KP(JPS)5390/11/Jld.1/(60), Surat dari Tan Sri Dato' Dr. Wan Zahid B. Mohd. Noordin, Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, kepada Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, 18 Julai 1996.

<sup>6</sup> Sin Chew Jit Poh, 8 September 1999.

<sup>7</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kelima, Mesyuarat Kedua, Jilid V, Bil.26, 20 Julai 1999, hlm.162-163.

Sebenarnya arahan tersebut dibuat berdasarkan kepada Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak 1972) serta Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan yang memerlukan supaya semua cek dalam akaun kerajaan ditandatangani oleh pegawai.<sup>8</sup> Bagaimanapun, memandangkan kedudukan SRJK(C) dan SRJK(T) yang mempunyai Lembaga Pengelola Sekolah serta punca kewangan sendiri, Kementerian Pendidikan akhirnya membuat keputusan untuk mengkaji semula kedudukan dan telah menangguhkan penguatkuasaannya pada 29 Jun 1999.<sup>9</sup>

Perbahasan disusuli pula oleh tindakan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang mengarahkan “semua guru besar dan pengetua di negeri itu memaklumkan sama ada Lembaga Pengelola Sekolah perlu dikenalkan atau dibubarkan serta memberi ulasan mengenainya”<sup>10</sup> Dong Jiao Zong dengan keras mendesak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang menarik balik soal selidik dengan kadar yang segera. Mereka beranggapan penyerahan soal sama ada Lembaga Pengelola dikenalkan ataupun dibubarkan kepada pengetua/guru besar sebagai suatu tindakan yang merampas kuasa autonomi Lembaga Pengelola.<sup>11</sup>

---

<sup>8</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kelima, Mesyuarat Kedua, Jilid V, Bil.25, 19 Julai 1999, hlm.151.

<sup>9</sup> Ibid.

<sup>10</sup> (71)dlm.Pen.P.P.Am 6264/Jld.1A, Surat dari Pendaftar Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang, kepada semua Pengetua/Guru besar sekolah-sekolah Pulau Pinang, 8 November 1996.

<sup>11</sup> Kenyataan Dong Jiao Zong Mengenai Pembubaran Lembaga Pengelola di Sekolah-Sekolah Kerajaan, 15 November 1996.

Jika diteliti peruntukan Akta Pendidikan 1996, arahan tersebut sepatutnya tidak timbul kerana Lembaga Pengelola di SRJK(C) telah dikekalkan di bawah Akta Pendidikan 1996. Sepertimana Seksyen 62 Akta tersebut memperuntukkan bahawa “semua Lembaga Pengelola institusi pendidikan kerajaan kecuali SRJK kerajaan serta SRK kerajaan dan SMK kerajaan yang ditentukan oleh Menteri Pendidikan, hendaklah dibubarkan pada satu tarikh yang ditetapkan”.<sup>12</sup> Kesilapan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang itu telah diperbetulkan oleh Timbalan Menteri Pendidikan Dr. Fong Chan Onn. Beliau mengakui arahan dalam surat tersebut hanya melibatkan pembubaran Lembaga Pengelola di sekolah kebangsaan dan sekolah agama sahaja, dan tidak membabitkan SRJK, SRK dan SMK.<sup>13</sup>

Selain daripada kedudukan dan kuasa autonomi Lembaga Pengelola, dasar pertukaran nama SRJK(C) dan SRJK(T) kepada SRK serta SMJK kepada SMK menurut Akta Pendidikan 1996 juga bertentangan dengan hasrat umum masyarakat Cina. Dalam satu surat pekeliling ikhtisasnya, Tan Sri Datuk Wan Zahid Mohd. Nordin, Ketua Pengarah Pendidikan mengarahkan semua SRJK(C) dan SRJK(T) diubah kepada SRK, manakala SMJK diubah kepada SMK berkuatkuasa pada 1 Januari 1998.<sup>14</sup> Arahan ini adalah selaras dengan Seksyen 2

---

<sup>12</sup> Malaysia, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Seksyen 62.

<sup>13</sup> Sin Chew Jit Poh, 15 November 1996.

<sup>14</sup> Pekeling Ikhtisas Bil. 1/1997, Surat dari Tan Sri Datuk Dr. Wan Zahid Mohd. Nordin, Ketua Pengarah Pendidikan, kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri, 2 Januari 1997.

Akta Pendidikan 1996 yang mentafsir dan mengkategorikan SRJK(C) dan SRJK(T) sebagai “sekolah jenis kebangsaan”.<sup>15</sup>

Dong Jiao Zong menganggap pertukaran nama dengan pengguguran istilah (Cina) akan membawa kepada kepupusan SRJK(C) yang memiliki ciri-ciri istimewa dari segi bahasa pengantar.<sup>16</sup> Sungguhpun langkah itu ditentang oleh masyarakat Cina, namun Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak tetap mempertahankan dasar kementeriannya untuk menukar nama sekolah-sekolah berkenaan.<sup>17</sup> Bagaimanapun, untuk meredakan perasaan bimbang masyarakat Cina terhadap kehilangan kuasa autonomi yang dinikmati oleh Lembaga Pengelola, Kementerian Pendidikan menjamin bahawa kedudukan Lembaga Pengelola SRJK(C) tidak akan terancam walaupun nama sekolah ditukar kepada SRK.<sup>18</sup>

Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan menerima cadangan Dong Jiao Zong supaya istilah (C) dan (T) dikekalkan demi menunjukkan ciri keistimewaan terutamanya dari segi bahasa pengantar sekolah. Dalam kenyataannya, Kementerian Pendidikan bersetuju nama SRJK(C) dan SRJK(T) diubah kepada

---

<sup>15</sup> Malaysia, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550), Seksyen 2.

<sup>16</sup> Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong mengenai Pertukaran Nama SRJK(C), 18 Januari 1997.

<sup>17</sup> Sin Chew Jit Poh, 18 September 1997.

<sup>18</sup> Ibid., 15 Mei 1997.

SJK(C) dan SJK(T).<sup>19</sup> Ini menunjukkan Kementerian Pendidikan mengamalkan dasar bertolak ansur dalam menangani isu pendidikan masyarakat berbilang kaum.

Pada bulan Disember 1998, berlaku pula kontroversi berkaitan dengan bahasa pengantar SRJK(C) di Selangor. Pejabat Pendidikan Daerah Ulu Selangor dilaporkan telah menghantar borang soal selidik kepada para ibu bapa SRJK(C) Bukit Tangga dan SRJK(C) Chee Wen, Sg. Tinggi. Dalam kajian tersebut, para ibu bapa dikehendaki menjawab soalan yang berbunyi “Adakah tuan bersetuju sekolah ini mengwujudkan Aliran Kebangsaan untuk tahun 1 mulai tahun 1999 dengan tidak menukar status sekolah ini”.<sup>20</sup> Menurut Pejabat Pendidikan Daerah Ulu Selangor, kajian itu dilaksanakan atas alasan majoriti pelajar sekolah-sekolah berkenaan adalah terdiri daripada golongan Melayu dan India. Contohnya, SRJK(C) Chee Wen, Sg. Tinggi yang ditubuhkan pada tahun 1939 mempunyai bilangan murid seramai 35 orang yang 100% terdiri daripada murid Melayu dan India, manakala SRJK(C) Bukit Tangga (1947) pula terdiri daripada 9 orang murid Cina, 45 orang murid Melayu dan 19 orang murid India.<sup>21</sup>

Sehubungan itu, Pejabat Pendidikan Daerah menjelaskan bahawa mereka langsung tidak bermotif untuk mengubah bahasa pengantar SRJK(C) berkenaan.

---

<sup>19</sup> KP/(BS)8591/Jld.VIII(48); Surat dari Tan Sri Datuk Dr. Wan Zahid Mohd. Nordin, Ketua Pengarah Pendidikan, kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri, 20 Januari 1997; Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong, 21 Januari 1997.

<sup>20</sup> Sin Chew Jit Poh, 29 Disember 1998.

<sup>21</sup> Ibid., 12 Disember 1998.

Malah katanya, “kami langsung tidak berkuasa untuk berbuat demikian melainkan Menteri sendiri. Kami tidak dapat menukar bahasa pengantar SRJK(C) dengan senang dan serta merta... kami hanya menjalankan kerja siasatan... suatu siasatan dan cadangan sahaja.<sup>22</sup>

Memang benar tindakan tersebut hanya merupakan satu kajian soal selidik semata-mata. Namun demikian, se perkara yang tidak dapat dinafikan ialah implikasi kajian tersebut sekiranya keputusan kebanyakan ibu bapa adalah menyokong pertukaran bahasa pengantar sekolah-sekolah berkenaan. Ini merupakan suatu pelanggaran Akta Pendidikan 1996 yang memperuntukkan dengan jelas bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di SRJK(C). Justeru itu, masyarakat setempat dan Dong Jiao Zong membantah keras tindakan yang melanggar Akta Pendidikan 1996 serta bertentangan dengan jaminan kerajaan BN berhubung dengan pelaksanaan dasar keterbukaan terhadap pendidikan Cina.<sup>23</sup> Memandangkan implikasi undang-undang ini, Timbalan Menteri Pendidikan, Dr. Fong Chan Onn telah menasihati Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk menarik balik borang soal selidik berkenaan. Serentak itu, beliau juga memberi jaminan kepada masyarakat Cina bahawa ciri-ciri SRJK(C) tidak akan berubah di bawah Akta Pendidikan 1996.<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, 15 Disember 1998.

<sup>23</sup> Kenyataan Akhbar Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, 15 Disember 1998.

<sup>24</sup> Kenyataan Akhbar Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, 13 Disember 1998.

Selain daripada perbahasan berhubung dengan status quo SRJK(C) di bawah Akta Pendidikan 1996, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan juga bersungut SRJK(C) masih menghadapi masalah dari segi peruntukan kewangan, tenaga pengajar terlatih, pembinaan dan perpindahan sekolah serta perlantikan guru penolong kanan SRJK(C) tidak mempunyai kelayakan formal dalam bahasa Cina.

Seperkara yang tidak dapat dinafikan ialah atas komitmen dan tanggungjawab di bawah Akta Pendidikan 1996, Kementerian Pendidikan tetap memberi perhatian terhadap masalah yang dihadapi oleh SRJK(C). Umpamanya dalam menyelesaikan masalah kekurangan guru di SRJK(C), banyak cadangan Dong Jiao Zong telah diterima dan dilaksanakan. Antara lain termasuklah pembukaan semula Kursus Perguruan Dalam Cuti (KDC Khas) bertaraf sijil pada tahun 1996, pengambilan calon dua kali setahun, pengambilan Guru Bersara wajib secara kontrak,<sup>25</sup> dan kelonggaran umur bagi golongan guru sandaran tak terlatih yang sedang berkhidmat di sekolah bantuan penuh kerajaan kepada tidak melebihi 35 tahun. Malahan pendirian tegas Kementerian Pendidikan terhadap kelayakan minimum yang menetapkan syarat kepujian dalam mata pelajaran

---

<sup>25</sup> Pengambilan Guru Bersara ini dijalankan dalam dua cara iaitu bagi guru cemerlang, mereka boleh memohon untuk dilantik secara kontrak 6 bulan sebelum bersara wajib. Mereka yang memenuhi syarat dan diperakukan oleh Ketua Jabatan boleh dilantik sehari setelah mereka bersara wajib. Bagi pengambilan guru kontrak biasa melalui urusan iklan di akhbar tempatan, tawaran perlantikan kepada mereka yang berjaya boleh dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas tamat iklan sekiranya permohonan yang dikemukakan adalah lengkap dan diterima dalam tempoh yang ditetapkan; lihat Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, kepada GPGSCM, 5 Mac 1998, GPGSCM, Kuala Lumpur.

Bahasa Melayu juga dilonggarkan khasnya untuk guru pelatih bagi SRJK(C) dan SRJK(T) seperti berikut:

“Pemohon pengkhususan Pengajian Cina atau Tamil yang memenuhi syarat 5 kepujian tetapi tidak mempunyai kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM/SPVM/SPM(V) boleh memohon dengan syarat jika ditawarkan berkursus calon hendaklah memperoleh kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM sebelum tamat berkursus.”<sup>26</sup>

Sementara menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Mohd. Khalid Mohd. Yunus, Kementerian Pendidikan telah meningkatkan unjuran pengambilan bagi bidang Pengajian Cina dan Tamil dan meminta Bahagian Pendidikan Guru mengadakan temuduga terbuka secara “*walk-in*” untuk calon yang berminat menjadi guru pelatih<sup>27</sup> serta menemuduga semua calon yang memohon pengkhususan Pengajian Cina dan Tamil yang lulus kelayakan pendidikan guru.<sup>28</sup>

Kementerian Pendidikan juga pernah mengesyorkan mata pelajaran Bahasa Melayu di SRJK(C) dan SRJK(T) hendaklah diajar oleh guru-guru opsyen Bahasa Melayu sahaja.<sup>29</sup> Bagaimanapun, cadangan ini telah ditolak serta merta

---

<sup>26</sup> Iklan Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia:Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) Ambilan 1999, lihat Sin Chew Jit Poh, 13 Disember 1998.

<sup>27</sup> Semasa mengadakan temuduga terbuka di Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu bagi ambilan 1999, sambutan adalah sangat menggalakkan. Daripada 738 calon yang hadir, 581 adalah memenuhi syarat-syarat kelayakan minimum yang ditetapkan, Ibid., 23 Julai 1999.

<sup>28</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kesembilan, Penggal Kelima, Mesyuarat Ketiga, Jilid V, Bil.33, 20 Oktober 1999, hlm.21.

<sup>29</sup> Sin Chew Jit Poh, 3 Julai 1999.

kerana diinterpretasikan oleh Dong Jiao Zong sebagai suatu langkah untuk menyalurkan kelebihan guru Bahasa Melayu ke SRJK(C) dan SRJK(T).<sup>30</sup> Bagi Dong Jiao Zong, saranan itu bukan sahaja tidak dapat menyelesaikan masalah kekurangan guru opsyen Bahasa Cina, bahkan menimbulkan masalah baru, iaitu guru Bahasa Melayu yang berlebihan di SRJK(C).<sup>31</sup>

Tegasnya Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai program dan strategi, termasuk kelonggaran syarat dari segi umur dan kelayakan akademik untuk menyelesaikan masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C) dan SRJK(T). Namun perlu diingatkan bahawa Kementerian Pendidikan menghadapi masalah untuk mendapatkan calon yang mencukupi mengikut unjuran. Dalam hal ini, Pengurus GPGSCM, Ong Chiow Chuen sendiri mengakui, bagi mengatasi masalah ini dengan sepenuhnya, Bahagian Pendidikan Guru khasnya Unit Pengambilan Guru mesti melatih sekurang-kurangnya 1000 orang guru setiap tahun selama lima tahun berturut-turut.<sup>32</sup> Akan tetapi, sasaran itu ternyata sukar dicapai memandangkan perangkaan bilangan guru pelatih yang diterima untuk mengikuti kursus Pengajian Cina di maktab-maktab perguruan dari tahun 1996

---

<sup>30</sup> Kementerian Pendidikan dikatakan telah melatih kelebihan kira-kira 12,000 orang guru Bahasa Melayu. Permintaan Untuk Membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Melatih Guru Yang mencukupi Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Memorandum kepada Perdana Menteri YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad daripada Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, Kajang, Jun 1999.

<sup>31</sup> Temuramah dengan Yow Lee Fung, Setiausaha Eksekutif GPGSCM di Pejabat GPGSCM, Kuala Lumpur, pada 6 Disember 1999.

<sup>32</sup> Sin Chew Jit Poh, 5 November 1999.

hingga tahun 1998 hanya berpurata 476 orang sahaja.<sup>33</sup> Sebagai akibatnya, sehingga bulan Oktober 1998, masih terdapat kekurangan 2250 orang guru terlatih di 1285 buah SRJK(C) di seluruh negara.<sup>34</sup>

Dalam hal ini, kesukaran mendapatkan bilangan guru pelatih berkelayakan yang mencukupi mengikut unjuran harus dianggap sebagai salah satu faktor utama masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C) berlarutan. Memetik kata Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak semasa mengulas masalah kekurangan guru opsyen bahasa Cina di SRJK(C) di Majlis Penutup Seminar Pendidikan Guru-Guru Besar SRJK(C) Malaysia di Seri Kembangan,

“Kekurangan berpunca daripada masalah mendapatkan calon guru Bahasa Cina untuk mengikuti latihan perguruan. Ini kerana pelajar-pelajar yang berkelayakan Bahasa Cina tidak berminat menjadi guru walaupun gaji asas guru telah dinaikkan daripada RM 652 kepada RM 917 sebulan... Masyarakat Cina haruslah mempengaruhi mereka agar memilih profesi perguruan sebagai kerjaya masa depan mereka.”<sup>35</sup>

Pandangan Menteri Pendidikan disokong oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. Ia menyatakan bahawa isu utama mengenai pengambilan Kursus Diploma Pendidikan Malaysia opsyen Pengajian Cina setiap

---

<sup>33</sup> Huaxiao Zhi Sheng, (Suara SRJK(C)), Bil.3, Februari 1999, hlm.17.

<sup>34</sup> Sin Chew Jit Poh, 3 Oktober 1998. Negeri Johor mencatakan jumlah terbanyak sekali, iaitu 510 orang , diikuti oleh Selangor (366), Sabah (362), Sarawak (214), Perak (172), Pahang (154), Negeri Sembilan (137), Pulau Pinang (86), Kedah (80), Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (65), Terengganu (40), Kelantan (30), Melaka (28), dan Perlis (6).

<sup>35</sup> Utusan Malaysia, 5 November 1999.

tahun ialah kurang minat menceburi profesi perguruan, khasnya kaum lelaki Cina. Data daripada Bahagian Pendidikan Guru juga menunjukkan bahawa ramai calon yang tidak hadir semasa UKELP atau temu duga di samping sebilangan calon yang menolak tawaran setelah berjaya. Perangkaan ambilan tahun 1998 menunjukkan bahawa seramai 258 orang tidak hadir UKELP, 340 orang tidak hadir temu duga dan 168 orang yang berjaya menolak tawaran.<sup>36</sup>

Namun demikian, hakikat ramai calon yang memenuhi kelayakan asas disingkirkan semasa UKELP dan temu duga juga tidak dapat dipertikaikan. Misalnya, seramai 336 orang ditolak di peringkat UKELP, 20 di peringkat temu duga dan 13 semasa temuduga terbuka.<sup>37</sup> Dengan kata lain, sebanyak 30% calon yang layak dan berminat telah ditolak oleh Bahagian Pendidikan Guru pada tahun 1998.

Memandangkan masalah kekurangan guru terlatih di SRJK(C) masih genting, Dong Jiao Zong menggesa kepada Kementerian Pendidikan memberi keutamaan kepada guru sandaran yang memenuhi syarat dan mempunyai pengalaman mengajar selama dua tahun diterima terus untuk mengikuti KDPM tanpa menduduki UKELP dan temu duga atas sokongan bertulis guru besar. Cadangan tersebut adalah amat sukar diterima kerana bertentangan dengan dasar

---

<sup>36</sup> 1998 Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1998), hlm.38.

<sup>37</sup> Pada tahun 1998, jumlah pemohon adalah terdiri daripada 1841 orang melalui permohonan, manakala 287 melalui temuduga terbuka. Daripada jumlah itu, 1719 calon adalah berkelayakan. Namun, hanya 752 calon sahaja yang berjaya diterima untuk mengikuti kursus di maktab perguruan. Ibid., hlm.42-43.

pengambilan guru pelatih yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebagaimana yang ditegaskan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan:

“Semua calon yang ingin mengikuti KDPM (Kursus Diploma Pendidikan Malaysia) mestilah memenuhi syarat asas akademik yang telah ditetapkan, lulus temu duga dan lulus UKELP. Beberapa kelonggaran syarat juga telah diberikan, seperti syarat akademik (kepujian Bahasa Melayu dan minimum kepujian Bahasa Cina) yang mana kelonggaran ini tidak diberikan kepada calon-calon daripada pengkhususan lain seperti Bahasa Tamil dan Bahasa Inggeris yang juga masih kekurangan calon.”<sup>38</sup>

Dari segi pembinaan SRJK(C) yang baru, Dong Jiao Zong dan Hua Tuan sentiasa meluahkan rasa tidak puas hati. Sungguhpun Seksyen 28 Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan bahawa Menteri boleh menubuhkan SK dan SJK dan hendaklah menyenggarakan sekolah-sekolah itu, namun pada hakikatnya permohonan masyarakat Cina untuk membina SRJK(C) amat sukar mendapat kelulusan daripada kerajaan. Keadaan ini boleh difahami jika kita meninjau secara mendalam Dasar Pendidikan Kebangsaan yang memperuntukkan komitmen dan tanggungjawab sepenuhnya Kementerian Pendidikan ke atas sekolah kebangsaan yang dapat memenuhi keperluan semua kaum di negara ini. Sebagaimana yang diterangkan oleh Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan bahawa “telah menjadi dasar kementerian untuk tidak membina SRJK(C) yang baru. Murid Cina boleh mendapat pendidikan di SRK atau SK. Dengan itu, masalah kekurangan

---

<sup>38</sup> Ibid., hlm.37-38.

tempat belajar tidak akan timbul”.<sup>39</sup> Ini adalah selari dengan kenyataan Menteri Pendidikan Dato’ Seri Najib Tun Abdul Razak yang menekankan bahawa “telah menjadi dasar kerajaan untuk tidak membina SRJK(C) yang baru.”<sup>40</sup>

Perpindahan SRJK(C) yang bilangan muridnya kecil ke tempat yang lebih strategik juga menemui kebuntuan. Menurut perangkaan Dong Jiao Zong, SRJK(C) seluruh negara yang mempunyai bilangan murid kurang daripada 150 orang telah bertambah daripada 490 kepada 500 buah dalam tempoh tahun 1995-1998.<sup>41</sup> Oleh itu, Dong Jiao Zong sering memohon kerajaan supaya membantu memindahkan SRJK(C) ini ke tempat yang lebih sesuai, dan menyediakan tanah serta memperuntukkan bantuan kewangan untuk pembinaan sekolah tersebut. Bagaimanapun, permohonan mereka telah ditolak kerana Kementerian Pendidikan “setakat ini tiada dasar sekolah-sekolah tersebut dipindahkan ke kawasan lain.”<sup>42</sup>

Selain daripada masalah kekurangan guru terlatih SRJK(C) serta pembinaan dan pemindahan SRJK(C), peruntukan pembangunan kerajaan kepada SRJK(C) juga menimbulkan kekecewaan Lembaga Pengelola Sekolah dan Dong Jiao Zong. Memang benar Kementerian Pendidikan terus menyalurkan bantuan

---

<sup>39</sup> Huaxiao Zhi Sheng, (Suara SRJK(C)), Bil.3, Februari 1999, hlm.16.

<sup>40</sup> Sin Chew Jit Poh, 13 Februari 1999, lihat juga Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong, 30 April 1999.

<sup>41</sup> Temuramah dengan Ye Hanjie, Eksekutif Sekretariat GPGSCM di Pejabat GPGSCM, Kuala Lumpur pada 3 Disember 1999; Huaxiao Zhi Sheng, Bil.3, Februari 1999, hlm.18.

<sup>42</sup> Fail GPGSCM/Jiaoyubu[Kementerian Pendidikan], Surat dari Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, kepada Dong Jiao Zong, 5 Mac 1998, GPGSCM, Kuala Lumpur.

untuk membaik pulih bangunan SRJK(C) yang uzur dan usang tanpa mengira taraf bantuan penuh ataupun bantuan modal. Namun ternyata jumlahnya telah semakin berkurangan. Misalnya, peruntukan pembangunan kepada SRJK(C) dan SRJK(T) dalam Rancangan Malaysia Keenam terdiri daripada 8.14% dan 2.14%, jika dibandingkan dengan 89.72% bagi SK (Jadual 9.1). Akan tetapi, di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, peruntukan pembangunan untuk SRJK(C) telah dikurangkan sebanyak RM 77 juta atau 75% daripada RM 103 juta kepada RM 26 juta atau 2.44% daripada jumlah peruntukan. SRJK(T) pula dikurangkan sebanyak RM 16 juta atau 59% daripada RM 27 juta kepada RM 11 juta atau 1.02% daripada jumlah peruntukan. Secara bandingannya, peruntukan kepada SK meningkat sebanyak RM 894 juta atau 87% kepada RM 1027 juta 96.54% daripada jumlah peruntukan keseluruhan.<sup>43</sup>

Dong Jiao Zong menolak keras prinsip pemberian peruntukan pembangunan berdasarkan hak milik tapak sekolah. Sebaliknya, mereka menuntut kerajaan memberi layanan yang adil dan saksama berlandaskan kriteria bilangan murid kepada semua sekolah tanpa mengira aliran bahasa pengantarnya.<sup>44</sup> Naib Setiausaha Agung DAP, Lim Kuan Eng turut sependapat dengan Dong Jiao Zong. Katanya, mengikut bilangan murid berdaftar pada tahun 1998, SRJK(C) sepatutnya menerima peruntukan sebanyak 21.1% atau RM 224.2 juta dan

---

<sup>43</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parlimen: Dewan Rakyat, Parlimen Kesembilan, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.70, 27 November 1996, hlm.114.

<sup>44</sup> Kenyataan Akhbar Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, 8 November 1998; Sin Chew Jit Poh, 9 November 1996.

SRJK(T) mendapat 3.6% atau RM 38.7 juta dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.<sup>45</sup>

**Jadual 9.1 Peruntukan Sekolah Rendah Bantuan Kerajaan Di Bawah Rancangan Malaysia Keenam & Ketujuh**

Sekolah	RM6		RM7		-ve (RM)	% -ve
	Peruntukan (RM)	%	Peruntukan (RM)	%		
SK	1133076000	89.72	1027167000	96.54	105909000	9.35
SRJK(C)	102726000	8.14	25970000	2.44	76756000	74.72
SRJK(T)	27042000	2.14	10902000	1.02	16140000	59.68
Jumlah	1262844000	100	1064039000	100	198805000	15.74

Sumber: Jawapan Soalan Persidangan Dewan Rakyat oleh Menteri Pendidikan Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, kepada pertanyaan mulut daripada Lim Kuan Eng, Ahli Dewan Rakyat kawasan Kota Melaka, 5 November 1996.

Kontroversi pelantikan guru yang tidak mahir dalam bahasa Cina bagi menyandang jawatan pentadbir kanan di SRJK(C) ditimbulkan semula pada tahun 1998. Kontroversi tersebut dicetuskan oleh Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada Januari 1998 apabila seramai 7 orang guru yang tidak mahir dalam Bahasa Cina dilantik untuk menyandang jawatan Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum SRJK(C) di Kuala Lumpur.<sup>46</sup> Selanjutnya,

<sup>45</sup> Malaysia, Penyata Rasmi Parliment: Dewan Rakyat, Parliment Kesembilan, Penggal Kedua, Mesyuarat Ketiga, Jilid II, Bil.70, 27 November 1996, hlm.119.

<sup>46</sup> SRJK(C) yang terbabit ialah SRJK(C) Tai Thung, SRJK(C) Salak South, SRJK(C) Tsun Jin, SRJK(C) Lai Meng, SRJK(C) Confucian, SRJK(C) Chung Hwa (P), dan SRJK(C) Jinjang Tengah Satu; lihat Huaxiao dangqian de poqie wenti, (Masalah Kritikal SRJK(C)), Memorandum Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong kepada Biro Pendidikan MCA, Kajang, 6 April 1998.

Jabatan berkenaan melantik 6 orang guru lagi yang tidak mahir dalam Bahasa Cina pada Mac 1998<sup>47</sup> dan 11 orang pada Mei 1998<sup>48</sup> untuk mengisi jawatan Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum di SRJK(C).

Apabila isu ini hangat dibicarakan oleh masyarakat Cina, masalah yang serupa didapati berlaku di negeri Perak dan Pahang. Berdasarkan tinjauan yang dibuat oleh Dong Jiao Zong, sebanyak 11 SRJK(C) di Perak<sup>49</sup> dan 9 di Pahang<sup>50</sup> telah dikenalpasti terbabit dalam isu perlantikan guru yang tidak mempunyai kelulusan dan tidak mahir dalam Bahasa Cina ke jawatan Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum. Kejadian ini telah mencemaskan pemimpin Dong Jiao Zong terhadap ancaman pertukaran ciri-ciri SRJK(C), terutama berkaitan dengan bahasa pengantarnya. Dong Jiao Zong mendapati masalah ini adalah lebih serius

---

<sup>47</sup> SRJK(C) yang terlibat ialah SRJK(C) Jalan Imbi, SRJK(C) Naam Kheng, SRJK(C) Confucian, SRJK(C) Chung Hwa (P), SRJK(C) Yoke Nam, dan SRJK(C) Chi Man; lihat Ibid.

<sup>48</sup> SRJK(C) yang terbabit adalah SRJK(C) Jalan Davidson, SRJK(C) Jalan Imbi, SRJK(C) Yoke Nam, SRJK(C) Kwong Hon, SRJK(C) Kuen Cheng 2, SRJK(C) Chiao Nan, SRJK(C) Chi Man, SRJK(C) Naam Kheung, SRJK(C) Chon Woo, SRJK(C) Khai Chee, dan SRJK(C) Cheng Kwo; lihat Sin Chew Jit Poh, 12 Mei 1998; Kenyataan Akhbar Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, 7 Mei 1998.

<sup>49</sup> Senarai nama SRJK(C) di Perak yang terbabit ialah SRJK(C) Hua Lian 1, Taiping, SRJK(C) Hua Lian 2, Taiping, SRJK(C) Pokok Asam, Taiping, SRJK(C) Aulong, Taiping, SRJK(C) Sin Min, Simpang, Taiping, SRJK(C) Poay Eng, Sepetang, Taiping, SRJK(C) Phui Choi, Kamunting, Taiping, SRJK(C) Yuk Choy, Ipoh, SRJK(C) Perak, Ipoh, SRJK(C) San Min 2, Teluk Intan, SRJK(C) Phooi Yong, Teluk Intan; lihat Huaxiao dangqian de pojie wenti, (Masalah Kritikal SRJK(C), 6 April 1998).

<sup>50</sup> Senarai nama SRJK(C) di Pahang yang terbabit ialah SRJK(C) Sg. Jan, Kuantan, SRJK(C) Chung Ching, Kuantan, SRJK(C) Pei Chai, Kuantan, SRJK(C) Yoke Shian, Kuantan, SRJK(C) Kuang Hwa, Kuantan, SRJK(C) Khai Mun (Pagi), Bentong, SRJK(C) Perting, Bentong, SRJK(C) Chung Ching, Raub, SRJK(C) Segpalit, Raub; lihat 1998 Gongzuo Baogaoshu, (Laporan Tahunan 1998), hlm.67.

daripada jangkaan mereka memandangkan maklumat yang diperolehi jelas menunjukkan hampir seluruh negara terbabit dalam masalah perlantikan itu.<sup>51</sup>

Masalah itu bertambah rumit lagi akibat daripada surat pekeliling Kementerian Pendidikan kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri pada 4 Mei 1998. Dalam surat pekelilingnya, Kementerian Pendidikan “menggalakkan Guru Penolong Kanan Kokurikulum di SRJK(C) yang tidak berkelayakan bahasa Cina atau tidak fasih dalam bahasa Cina mempelajari bahasa berkenaan agar dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan”.<sup>52</sup> Surat tersebut telah menimbulkan bantahan kuat dari Dong Jiao Zong kerana kenyataan itu seolah-olah menyetujui guru-guru yang tidak mempunyai kelulusan dan tidak mahir dalam bahasa Cina masih boleh dilantik sebagai Guru Penolong Kanan Kokurikulum SRJK(C).

Kontroversi itu sepatutnya tidak timbul sama sekali sekiranya keputusan Kabinet yang menetapkan jawatan Penolong Kanan Ko-Kurikulum mesti diisikan oleh guru yang sekurang-kurangnya mempunyai pengetahuan dan menguasai Bahasa Cina secara berkesan dipatuhi sepenuhnya. Bagaimanapun, Kementerian Pendidikan yang peka dan bertanggungjawab telah membuat keputusan supaya formula yang telah dirumuskan oleh Kabinet pada tahun 1988 dipatuhi sepenuhnya. Dengan itu, Kementerian Pendidikan mengeluarkan satu panduan perlantikan Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum di SRJK(C) yang lebih eksplisit

---

<sup>51</sup> Menurut tinjauan Dong Jiao Zong, negeri yang turut terbabit dalam masalah ini ialah negeri Selangor, Kelantan, Johor, Melaka dan Sabah; lihat *Ibid.*, hlm.39.

<sup>52</sup> Sin Chew Jit Poh, 28 Mei 1998.

pada 23 Mei 1998. Melalui satu surat pekeliling, Kementerian Pendidikan memanjangkan keputusan terbaru kementerian kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri sebagai garis panduan:

“Adalah dimaklumkan, bahawa telah ada keputusan Kerajaan mengenai pengisian jawatan Penolong Kanan Ko-kurikulum di Sekolah-Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan China, iaitu guru-guru yang akan dilantik terdiri daripada mereka yang ‘sesuai’ walaupun mereka tidak mempunyai kelulusan formal Bahasa Mandarin tetapi mereka dapat menjalankan tugas-tugas dengan sempurna. Perkataan ‘sesuai’ meliputi kelayakan, kesesuaian kerja, pengalaman dan pengetahuan dalam Bahasa Mandarin.”<sup>53</sup>

Istilah pengetahuan dalam Bahasa Mandarin, menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Dr. Fong Chan Onn adalah merujuk kepada kemahiran membaca, menulis dan bertutur dalam bahasa Cina. Sehubungan itu, Nazir Sekolah telah diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti calon-calon yang bersesuaian untuk mengisi jawatan pentadbir kanan tersebut.<sup>54</sup> Atas kesefahaman yang dicapai itu, Kementerian Pendidikan telah mengarahkan Jabatan pendidikan Negeri supaya memindahkan mereka yang tidak memenuhi kelayakan yang ditetapkan itu ke sekolah aliran lain.

---

<sup>53</sup> KP(PP)0022/171/Jld.4/(66), Surat dari Haji Abd. Malek Bin Hamzah, Bahagian Pembangunan Organisasi dan Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, kepada semua Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri, 23 Mei 1998.

<sup>54</sup> Nanyang Siang Pau, 27 Mei 1998.

Bagaimanapun, surat pekeliling dan arahan tersebut tidak berjaya menamatkan kontroversi. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang dilaporkan tidak mengambil langkah untuk memindahkan guru-guru penolong kanan ke sekolah aliran lain, sebaliknya meminta pandangan daripada pihak sekolah, PIBG serta Lembaga Pengelola, sama ada mereka mahu atau tidak untuk mengekalkan Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum di sekolah mereka.<sup>55</sup> Sehingga Jun 1999, perangkaan yang dikumpul oleh Dong Jiao Zong menunjukkan kebanyakan daripada mereka yang terbabit masih belum dipindahkan ke sekolah aliran lain yang bersesuaian. Keadaan ini dapat dibuktikan oleh 34 buah SRJK(C) di seluruh negara masih mempunyai Guru Penolong Kanan Ko-kurikulum yang tidak mahir dalam bahasa Cina. Antaranya sembilan buah SRJK(C) terletak di Pahang, Perak (8), Johor (5), Melaka (5), Selangor (4), Sarawak (2) dan Kuala Lumpur (1).<sup>56</sup>

Tambahan lagi, tinjauan Dong Jiao Zong juga mendapati sebilangan SRJK(C) masih mempunyai Guru besar, Penolong Kanan Satu (Pentadbiran), Penolong Kanan II (HEM) dan Penyelia Petang tanpa kelayakan formal dalam bahasa Cina. SRJK(C) yang dikenalpasti terbabit ialah SRJK(C) Poay Eng, Kuala Sepetang, Perak [Penolong Kanan II (HEM)]; SRJK(C) Chung Hwa 2B, Muar, Johor [Penyelia Petang]; SK(C) Bintawa, Kg. Nelayan, Kuching, Sarawak [Penolong Kanan I (Pentadbiran)]; SRJK(C) Chung Hua, Roban, Saratok,

---

<sup>55</sup> Kenyataan Akhbar Dong Jiao Zong, 24 Jun 1998.

<sup>56</sup> Permintaan Untuk Menyelesaikan Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Memorandum kepada Menteri Pendidikan YB Datuk Seri Mohd. Najib Tun Abd. Razak daripada Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong, Kajang, Jun 1999.

Sarawak [Penolong Kanan I (Pentadbiran) & Penolong Kanan II (HEM)]; SRJK(C) Chung Hua, Bau, Kuching [Penolong Kanan II (HEM)]; dan SRJK(C) Chung Hua, Meludam, Sri Aman, Sarawak [Guru Besar].<sup>57</sup>

Kekusutan bertambah hebat apabila Ketua Pengarah Pendidikan mengeluarkan satu lagi “Panduan Pelantikan Guru Penolong Kanan Kokurikulum Di SRJK(C)” kepada semua Pengarah Pendidikan Negeri bertarikh 21 Julai 1998. Panduan tersebut antara lain mencadangkan bahawa Jabatan Pendidikan boleh juga melantik guru-guru yang tidak mempunyai kelulusan formal dalam bahasa Cina tetapi disahkan sesuai dapat menjalankan tugas-tugas mereka di SRJK(C) dengan sempurna. Sementara bagi calon yang telah dilantik menyandang jawatan Guru Penolong Kanan Kokurikulum tetapi tidak memiliki kelulusan dan tidak fasih dalam bahasa Cina, mereka dikehendaki menghadiri kursus bahasa Cina yang akan diuruskan oleh Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan dengan Institut Aminuddin Baki. Selain itu, pihak Jabatan Pendidikan Negeri dikehendaki mengenal pasti guru-guru yang sesuai untuk menghadiri kursus bahasa Cina bagi penempatan ke jawatan-jawatan berkenaan.<sup>58</sup>

Dong Jiao Zong beranggapan kursus pendek yang ditawarkan itu tidak boleh melahirkan guru-guru yang dapat menguasai bahasa Cina. Sebaliknya, dengan matlamat menyelesaikan masalah itu secara berkesan dan berkekalan, Dong Jiao Zong mencadangkan kepada Kabinet agar menggantikan “Formula 4-

---

<sup>57</sup> Ibid.

<sup>58</sup> Sin Chew Jit Poh, 22 November 1998.

l” yang dirumuskan oleh Kabinet pada tahun 1988 dengan “Formula 5-0”, iaitu kelayakan bagi jawatan Guru Besar, Guru Penolong Kanan I, Guru Penolong Kanan II, Guru Penolong Kanan Ko-Kurikulum dan Penyelia Petang di SRJK(C) adalah kelulusan Bahasa Cina di peringkat SPM. Di samping itu, Dong Jiao Zong juga menggesa Kementerian Pendidikan menunaikan janji mereka dengan memindahkan Penolong Kanan yang sedia ada yang tidak fasih dalam Bahasa Cina ke sekolah aliran lain.

Selain daripada masalah lama seperti yang dihuraikan di atas, perkembangan SRJK(C) juga dilanda oleh pelaksanaan dasar pendidikan yang didakwa kononnya akan menjelaskan kuasa autonomi dan identiti sekolah. Dong Jiao Zong beranggapan “Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Berkesan” anjuran Kementerian Pendidikan akan membawa kepada pertukaran ciri-ciri SRJK(C). Sebenarnya, bagi memastikan hanya calon-calon yang berpotensi dan benar-benar layak dilantik sebagai pengetua atau guru besar pada masa akan datang, Kementerian Pendidikan menetapkan bahawa semua calon yang ingin menjadi guru besar harus menyertai Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah Berkesan yang diadakan mulai tahun 1999.

Dong Jiao Zong secara prinsipnya menyokong program itu, tetapi perkara yang membimbangkan masyarakat Cina ialah peraturan kursus berkenaan yang hanya menetapkan bahawa “calon-calon untuk guru besar sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil hendaklah boleh bertutur dalam bahasa ibunda

masing-masing".<sup>59</sup> Oleh kerana bakal-bakal guru besar tidak diwajibkan memiliki kelulusan formal dalam bahasa Cina, ini bermakna calon yang tidak dapat menulis dan membaca dalam bahasa Cina masih boleh memegang jawatan guru besar di SRJK(C) asalkan mereka dapat bertutur dalam bahasa Cina dan berjaya menyertai kursus yang ditetapkan. Memandangkan program itu boleh menjelaskan perkembangan dan seterusnya mengakibatkan pertukaran ciri-ciri SRJK(C), Dong Jiao Zong bertegas meminta Kementerian Pendidikan melakukan pindaan terhadap peraturan tersebut dengan mewajibkan calon-calon bakal guru besar SRJK(C) harus mempunyai kelulusan bahasa Cina di peringkat SPM.

Tegasnya masalah dan kekangan yang dihadapi oleh SRJK(C) telah mengerakkan Dong Jiao Zong untuk mencari jalan penyelesaian kepada kebuntuan. Justeru itu, Jawatankuasa Kerja SRJK(C) Dong Jiao Zong mengemukakan dua memorandum yang meliputi tiga masalah utama, iaitu masalah pembinaan SRJK(C), kekurangan guru terlatih SRJK(C) dan masalah pengisian jawatan pentadbiran di SRJK(C) kepada Perdana Menteri dan Menteri Pendidikan pada 24 Jun 1999.<sup>60</sup> Penghantaran kedua-dua memorandum itu telah diikuti oleh pelancaran Deklarasi yang merangkumi 6 Penyata dan 12 Tuntutan demi mewujudkan "*a truly tolerant, democratic and open era for our education*

---

<sup>59</sup> KP(BS-MEN)8510/05/27/(16), Surat dari Haji Sabri Bin Salleh, Pengarah Bahagian Sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia, kepada Semua Ketua Bahagian, Kementerian Pendidikan, dan Semua Pengarah Pendidikan Negeri, 8 Oktober 1998.

<sup>60</sup> Untuk keterangan lanjut mengenai kedua-dua memorandum itu, lihat Permintaan Untuk Membina Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Melatih Guru Yang Mencukupi Untuk Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Jun 1999 dan Permintaan Untuk Menyelesaikan Masalah-Masalah Yang Dihadapi Oleh Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Jun 1999.

*system*".<sup>61</sup> Senarai tuntutan yang terkandung dalam Deklarasi tersebut merangkumi penambahan bilangan SRJK(C), pengekalan identiti SRJK(C), layanan yang sama rata dalam peruntukan kewangan, kemudahan dan tenaga pengajar sekolah, pengiktirafan sumbangan SMPC serta pentadbiran kelas bahasa Cina di sekolah menengah.

### **Deklarsi dan Reaksi Parti Politik**

Pelancaran Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong 1999 telah mendatangkan reaksi yang berbagai-bagai dari parti-parti politik. Parti-parti pembangkang dengan nada lantang telah menyuarakan sokongan terbuka kepada Deklarasi. Sokongan pakatan pembangkang boleh difahami kerana ia sedang menghadapi persaingan sengit dengan BN dalam pilihan raya umum. Untuk menewaskan BN dan menuahkan kerajaan baru, pakatan pembangkang amat memerlukan sokongan padu daripada pengundi pelbagai etnik termasuk pengundi Cina. Maka tidak hairanlah PAS, penentang utama UMNO dalam merebut sokongan orang Melayu turut menyatakan sokongan kepada Deklarasi.

Sebagai contohnya, semasa mengulas Deklarasi 1999 itu, Ketua Pemuda PAS, Mahfuz Omar menyatakan sokongan partinya terhadap perjuangan Dong Jiao Zong untuk mengembangkan pendidikan bahasa ibunda semasa bertemuan

---

<sup>61</sup> Declaration On Mother Tongue Education Dong Jiao Zong 1999, UCSCAM, Kuala Lumpur, 1999.

wakil-wakil Dong Jiao Zong pada 18 September 1999. Menurut beliau, hak memperoleh pendidikan bahasa ibunda semua kaum di negara ini tidak boleh dirampas kerana ia adalah "diwarisi sejak kelahiran dan dikurniakan oleh Tuhan".<sup>62</sup>

Selain itu, Presiden Parti Keadilan Nasional (KeADILan) Dr. Wan Azizah menyatakan bahawa dasar bahasa KeADILan sememangnya menghormati pendidikan bahasa ibunda semua kaum di negara ini.<sup>63</sup> Katanya:

"Di samping menekankan penggunaan Bahasa Melayu, Parti KeADILan Nasional mengiktiraf hak semua kaum untuk mempelajari, menggunakan dan mengembangkan bahasa ibunda masing-masing. Pembelajaran bahasa ibunda harus dikekalkan dan digalakkan dalam sistem persekolahan negara kita—bukan sahaja sebagai tali hubungannya dengan warisan budayanya tetapi juga sebagai pelindung jati dirinya dalam menyertai sebuah negara dan dunia moden."<sup>64</sup>

Sementara DAP menurunkan tandatangannya sebagai sokongan padu kepada Deklarasi tersebut. Sebagaimana yang diperjelas oleh Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang, Deklarasi itu "*is in keeping with the mother-tongue education policy of the DAP*". Dengan itu, beliau menggesa kerajaan supaya memberi "*full recognition and acceptance of the role of mother-tongue primary*

---

<sup>62</sup> Kenyataan Akhbar Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, Presiden Parti KeADILan Nasional, 2 Oktober 1999.

<sup>63</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai dasar bahasa KeADILan, lihat Agenda Perubahan Parti Keadilan Nasional, KeADILan, Petaling Jaya, t.t.

<sup>64</sup> Sin Chew Jit Poh, 3 Oktober 1999.

*schools in nation-building, by treating all equally as national primary schools, including full government financial and capital support, and ending the division of primary schools into national and national-type primary schools”.*<sup>65</sup>

Di pihak MCA pula, pemimpin parti tersebut Cina juga menerima sebulat suara Deklarasi, walaupun ada perkara yang bertentangan dengan prinsip perjuangan BN. Setiausaha Agung MCA, Dr. Ting Chew Peh mengakui bahawa Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda itu menggambarkan hasrat dan aspirasi masyarakat Cina keseluruhan adalah selaras dengan prinsip dan pendirian MCA selama ini.<sup>66</sup> Secara kontranya, parti tunggak dalam BN iaitu UMNO tidak menunjukkan apa-apa respon dan sambutan terhadap Deklarasi tersebut. UMNO ternyata tidak mahu tunduk kepada sebarang tekanan dan ugutan kepada keutuhannya di ambang pilihan raya umum.

Di sini dapat dirumuskan bahawa Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda Dong Jiao Zong 1999 merupakan salah satu strategi perjuangan Dong Jiao Zong dalam pergerakan pendidikan Cina. Deklarasi tersebut menyatakan kepercayaan dan pendirian tegas Dong Jiao Zong terhadap pendidikan bahasa ibunda, di samping mengemukakan satu siri langkah penyelesaian kepada masalah pendidikan Cina terutamanya SRJK(C) di negara ini. Dong Jiao Zong ternyata menggunakan pilihan raya sebagai suatu tekanan politik ke atas kerajaan BN

---

<sup>65</sup> Media Statement by Parliamentary Opposition Leader, DAP Secretary-General and MP for Tanjong, Lim Kit Siang, in Petaling Jaya on 3 August 1999.

<sup>66</sup> Ibid., 27 Ogos 1999.

supaya melayan dan menerima tuntutan mereka. MCA khususnya yang mendakwa partinya sebagai pembela hak dan kepentingan komuniti Cina telah menyatakan sokongan kepada Deklarasi Pendidikan Bahasa Ibunda tersebut.

Bagaimanapun, pelancaran Deklarasi itu pada masa pilihan raya telah dianggap sebagai suatu ugutan kepada keutuhan kerajaan BN terutamanya UMNO. Malahan penolakan Dong Jiao Zong terhadap konsep bahasa pengantar tunggal dalam Dasar Pendidikan Kebangsaan pasti akan ditolak dengan keras oleh kerajaan demi merealisasikan matlamat perpaduan dan integrasi nasional.